

**SEJARAH SEBAGAI ALAT PEMBENTUKAN IDENTITI NASIONAL:
PERBANDINGAN KURIKULUM SEJARAH DI MALAYSIA DAN INDONESIA**

**[HISTORY AS A TOOL FOR NATIONAL IDENTITY FORMATION: A COMPARISON
BETWEEN THE HISTORY CURRICULUM IN MALAYSIA AND INDONESIA]**

NOR AIN ATILA IBRAHIM¹ & ANUAR AHMAD¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: p145089@siswa.ukm.edu.my

Received: 24 May 2025

Accepted: 26 June 2025

Published: 10 August 2025

Abstrak: Kertas konsep ini membincangkan bagaimana kurikulum sejarah di Malaysia dan Indonesia berperanan sebagai alat penting dalam pembentukan identiti nasional dalam diri murid sekolah. Kertas konsep ini menggunakan pendekatan perbandingan yang meneliti struktur kurikulum, mata pelajaran yang terlibat, kandungan, pendefinisian identiti nasional dan nilai-nilai nasional yang diketengahkan dalam kurikulum sejarah kedua-dua negara ini. Berpaksikan kepada Teori Identiti Sosial Tajfel dan Turner, kertas konsep ini menyorot bagaimana naratif sejarah rasmi dibentuk untuk mengukuhkan jati diri warganegara serta kesepaduan nasional. Perbandingan yang dibuat menunjukkan bahawa Malaysia cenderung kepada pendekatan integratif yang menekankan perpaduan kaum dan nilai keislaman, manakala Indonesia lebih menonjolkan perjuangan revolusi dan pluralisme sebagai asas kebangsaan. Walaupun kedua-dua negara berkongsi matlamat untuk membentuk warganegara yang bersemangat patriotik dan beridentiti nasional, perbezaan pendekatan dan naratif dalam kurikulum mencerminkan sudut sosio-sejarah yang unik bagi setiap negara. Justeru, kertas konsep ini menegaskan kepentingan penyusunan kurikulum sejarah secara dinamik demi menjamin pembentukan identiti nasional yang kukuh dalam era globalisasi yang mencabar.

Kata Kunci: identiti nasional, kurikulum, dinamik, integratif.

Abstract: This concept paper discusses how the history curricula in Malaysia and Indonesia serve as vital instruments in shaping national identity among school students. Employing a comparative approach, this paper analyses curriculum structure, relevant subjects, content, definitions of national identity, and the national values emphasized within the history curricula of both countries. Guided by Tajfel and Turner's Social Identity Theory, this paper explores how official historical narratives are constructed to reinforce citizens' sense of belonging and promote national cohesion. The comparison reveals that Malaysia adopts an integrative approach that underscores ethnic unity and Islamic values, while Indonesia emphasizes revolutionary struggle and pluralism as foundational elements of nationhood. While both nations share the overarching goal of nurturing patriotic citizens with a strong national identity, the differences in approach and narrative reflect each country's unique socio-historical context. Hence, this paper underscores the importance of dynamically structured history curricula to ensure robust national identity formation amid the challenges of globalization.

Keywords: national identity, curriculum, dynamic, integrative.

Cite This Article:

Nor Ain Atila Ibrahim & Anuar Ahmad. (2025). Sejarah Sebagai Alat Pembentukan Identiti Nasional: Perbandingan Kurikulum Sejarah Di Malaysia Dan Indonesia [*History As A Tool For National Identity Formation: A Comparison Between The History Curriculum In Malaysia And Indonesia*] *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 5(3): 101-113.

PENDAHULUAN

Malaysia dan Indonesia ialah dua buah negara yang berada dalam kejiwaan yang disebut Kepulauan Melayu atau Nusantara. Di sini, sebuah hubungan yang kuat antara pendidikan dan pembangunan sumber manusia telah terbina. Dalam erti kata yang lain, pembangunan sumber manusia ini adalah termasuk pelaksanaan sistem pendidikan yang bertujuan untuk menyediakan dan membangunkan pendidikan yang holistik untuk kepentingan negara masing-masing. Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Malaysia telah berusaha merealisasikan pembangunan modal insan murid manakala Pendidikan Nasional Indonesia diasaskan di Indonesia dengan mementingkan ikon sumber daya manusia (Asmahani, Abdul Razaq & Mohd Mahzan 2020).

Selain itu, Malaysia dan Indonesia mempunyai latar belakang sejarah yang kaya dan kompleks, seterusnya mempengaruhi definisi identiti nasional masing-masing. Dalam konteks pendidikan pula, kurikulum sejarah hadir menjadi alat untuk menyampaikan nilai-nilai, tradisi dan warisan kepada generasi muda. Maka, konsep identiti nasional dikatakan menjadi sebuah elemen yang penting dalam pembinaan negara bangsa, terutamanya bagi negara yang mempunyai masyarakat majmuk seperti kedua-dua negara ini. Salah satu inisiatif utama dalam pembentukan identiti nasional adalah melalui pendidikan sejarah di sekolah. Selain itu, kurikulum sejarah juga menjadi alat kepada pihak kerajaan untuk membina kesedaran sejarah, menyemai nilai patriotisme dan membentuk jati diri pewaris negara.

Akan tetapi, apabila menyoroti tinjauan literatur, pendekatan dalam pembentukan identiti nasional melalui pendidikan sejarah sebenarnya agak berbeza mengikut negara. Menurut Sriyanto (2016), perbezaan pendidikan di negara luar adalah disebabkan mereka mempunyai sejarah, nilai sosial, budaya, ekonomi dan politik yang berbeza. Maka, penekanan yang dibuat dalam dunia pendidikan adalah bergantung kepada elemen-elemen tersebut. Dalam konteks kertas konsep ini, pendidikan sejarah di Malaysia yang sering menekankan tentang perpaduan kaum ini adalah lebih berperanan sebagai sebuah alat untuk mengukuhkan semangat kebangsaan dalam konteks kepelbagaian budaya. Dalam masa yang sama, negara Indonesia pula menekankan pendidikan sejarah sebagai metod penyatuan dalam konsep “Bhinneka Tunggal Ika” iaitu slogan negara ini yang tertera di Garuda Pancasila. Slogan yang terdiri daripada tiga perkataan ini memberi makna “berbeza tetapi tetap satu”.

Justeru, kertas konsep ini akan membandingkan kurikulum sejarah kedua-dua negara ini untuk melihat bagaimana sejarah digunakan sebagai alat pembentukan identiti nasional serta memahami persamaan dan perbezaan dalam pendekatan mereka. Perbandingan yang dibuat ini adalah untuk mengetahui aspek-aspek yang diambil kira bagi menentukan sesebuah kurikulum sejarah di negara tersebut.

SEJARAH DALAM MATA PELAJARAN DI MALAYSIA DAN INDONESIA

Di Malaysia, mata pelajaran Sejarah mula diajar sejak perang dunia pertama, dengan pelbagai nama yang berbeza mengikut kesesuaian sukatan kurikulum pada ketika itu. Sukatan pelajaran sejarah juga telah dimurnikan, rentetan peristiwa rusuhan kaum pada tahun 1969. Dari sini kita dapat lihat bahawa kurikulum sejarah sentiasa dinamik dan signifikan dengan peristiwa yang berlaku dalam setiap era. Di samping itu, Laporan Kabinet pada tahun 1979 juga memberi kesan yang besar kepada sukatan kurikulum. Kemudian, pada tahun 1989, mata pelajaran ini ditetapkan sebagai sebuah mata pelajaran teras di sekolah menengah, sebelum diwajibkan juga kepada murid sekolah rendah. Peruntukan jangka masa pelaksanaan mata pelajaran Sejarah bagi murid tahap dua sekolah rendah adalah selama satu jam, manakala untuk murid sekolah menengah iaitu daripada tingkatan 1 hingga tingkatan 5 ialah dua jam seminggu (Nur Atiqah Tang & Ong, 2018). Hal ini menunjukkan penekanan kepada mata pelajaran ini semakin giat, seiring dengan peningkatan umur murid.

Selain itu, mata pelajaran Sejarah menjadi sebuah alat yang penting dalam memupuk dan mengukuhkan kesetiaan kepada negara serta berfungsi sebagai identiti warganegara Malaysia. Melalui mata pelajaran ini, pendedahan kepada murid tentang kepelbagaian masyarakat di Malaysia dan peristiwa-peristiwa penting agar dapat mewujudkan elemen perpaduan di Malaysia dapat dilaksanakan (Mahira, Mohd Mahzan, Abdul Razaq & Anuar 2019). Malaysia ialah contoh negara yang menjadikan Sejarah sebagai mata pelajaran khusus. Hal ini berbeza dengan negara seperti Filipina, India dan Thailand yang menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai komponen terpadu dalam kurikulum Pendidikan Sosial (Synaco & Chao 2019).

Manakala di Indonesia, sejarah tidak diajar di peringkat Sekolah Dasar (SD), sebaliknya diselitkan dalam mata pelajaran Ilmu Pengetahuan Sosial (IPS). Bagi peringkat SMP iaitu peringkat menengah rendah pula, mata pelajaran IPS diajar mencakupi bidang sejarah, ekonomi dan geografi sahaja. Mata pelajaran ini berkait rapat dengan disiplin sains sosial yang digabungkan dengan pengetahuan lain yang dijelaskan secara ilmiah dan pedagogi. Menurut Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Riset dan Teknologi (2022) atau lebih sinonim dengan singkatan Kemendibud, IPS menjadi mata pelajaran yang menghasilkan perpaduan antara cabang-cabang ilmu sosial dan humanistik. Pada dasarnya juga, IPS mempunyai persamaan matlamat kurikulum sejarah iaitu bertujuan untuk membantu murid menjadi warganegara yang baik dengan memfokuskan penguasaan pengetahuan, sikap dan nilai sosial (Asmahani & Md Hafis 2024). Malah, antara ruang lingkup mata pelajaran IPS adalah murid boleh menganalisis sejarah manusia dalam memenuhi keperluan hidup serta melibatkan diri dalam sosialisasi dan dinamik sosial. Hal ini sememangnya berkait rapat dengan pembentukan identiti diri yang boleh menyumbang kepada pembentukan identiti nasional.

Pada peringkat menengah atas iaitu lebih dikenali dengan akronim SMA pula, sejarah diajar dengan menekankan persiapan akademik ke peringkat yang lebih tinggi. Pendekatan ini adalah sama seperti kurikulum sejarah di Malaysia yang sememangnya disusun secara berperingkat dalam menyiapkan murid ke menara gading. Di samping itu, kandungan kurikulum sejarah bagi murid kelas Kelas 10 SMA juga sama dengan kurikulum sejarah sekolah menengah di Malaysia iaitu bagi tema Tamadun Awal Manusia dan Sejarah Islam dan

Perkembangannya. Asmahani dan Md Hafis (2024) juga berpandangan bahawa mata pelajaran ini juga masih mengekalkan fokus kepada elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai.

SEJARAH SEBAGAI ALAT PEMUPUKAN IDENTITI NASIONAL

Ketika Malaysia dijajah suatu ketika dahulu, pihak penjajah tidak terlalu menfokuskan sektor pendidikan, tidak seperti sektor politik dan ekonomi. Walau bagaimanapun, selepas negara ini mencapai kemerdekaan, pendidikan hadir sebagai sebuah elemen terpenting dalam pembangunan negara. Maka, pendidikan sejarah merupakan sebuah mekanisme penting dalam pembangunan suatu bangsa. Menurut Hidayat (2019), kebanyakan negara di dunia ini menjadikan sejarah sebagai komponen utama dalam teras pendidikan negara masing-masing disebabkan kefahaman dalam sejarah akan membuahkan karakter yang baik. Karakter yang baik di sini termasuk memiliki identiti nasional. Di Malaysia, kurikulum sejarah menekankan tentang kesepaduan unsur pengetahuan, kemahiran dan nilai seperti yang terdapat dalam kurikulum mata pelajaran yang lain. Hal ini sama seperti kurikulum sejarah di Indonesia yang juga mementingkan aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam menilai murid (Zia Ulhaq, 2017).

Oleh yang demikian, pendidikan menjadi platform untuk murid belajar mengetahui makna hidup kebersamaan di bawah sesebuah tampuk kepimpinan dalam sesebuah negara. Pendidikan sejarah kaya dengan nilai kemanusiaan dalam membentuk identiti nasional generasi muda pada hari ini. Aziz dan Hamid (2019) dalam kajian mereka telah mendapati kurikulum sejarah memberi tumpuan kepada perjuangan kemerdekaan dan kepelbagaian kaum sebagai elemen utama dalam membentuk identiti nasional. Wujud juga sebuah kajian daripada Ahmat (2014) yang mendapati kurikulum sejarah di negara pelbagai kaum dan etnik seperti Malaysia perlu diberikan perhatian yang berfokus agar penyatuan sesama warganegara dapat dipupuk.

Hakikatnya, Sejarah juga menjadi sebuah mata pelajaran yang sememangnya berkait rapat dengan pembentukan bangsa. Sesebuah negara wajib membentuk watak kebangsaan yang dilakukan melalui pendidikan, dalam konteks ini, melalui mata pelajaran sejarah berpanduan kurikulum sejarah. Dengan hal ini, M. Maman (2024) menyatakan bahawa tujuan pendidikan sejarah yang menjadi wadah pembentukan bangsa, termasuk memperkuat identiti nasional, akan tercapai. Secara tuntas, tinjauan literatur yang dibuat menunjukkan kedua-dua negara ini sememangnya menjadikan kurikulum sejarah sebagai pemangkin bagi membangunkan dan memperkasakan identiti nasional.

MODEL & TEORI YANG DIGUNAKAN

Teori Identiti Sosial oleh Henri Tajfel & John Turner

Teori Identiti Sosial oleh Tajfel dan Turner (1979) menjelaskan bagaimana individu membentuk identiti mereka berdasarkan keahlian dalam kumpulan sosial tertentu. Tajfel dan Turner berpendapat bahawa identiti sosial terbentuk melalui tiga proses utama. Proses yang pertama ialah kategorisasi sosial iaitu manusia cenderung mengelaskan diri dan orang lain ke dalam kategori sosial tertentu untuk memahami dunia dengan lebih mudah. Dalam konteks

pendidikan sejarah, murid dikategorikan sebagai sebahagian daripada “bangsa Malaysia” atau “bangsa Indonesia” melalui naratif sejarah yang diajarkan. Maka, buku teks dan dasar pendidikan hadir untuk menekankan keanggotaan dalam bangsa sebagai kategori utama yang membentuk identiti individu.

Proses yang kedua pula ialah identifikasi sosial. Setelah dikategorikan ke dalam sesuatu kumpulan, individu itu akan menerima nilai serta ciri-ciri kumpulan tersebut sebagai sebahagian daripada identiti diri mereka. Kurikulum sejarah di Malaysia dan Indonesia bertindak sebagai medium yang membantu murid membina kesedaran dan kebanggaan terhadap identiti nasional mereka. Hal ini adalah kerana pendidikan sejarah bukan sahaja memberikan fakta sejarah tetapi juga membentuk emosi dan rasa keterikatan terhadap negara.

Proses yang terakhir pula ialah perbandingan sosial. Setelah seseorang itu mengenal pasti diri dengan sesuatu kumpulan, mereka cenderung membandingkan kumpulan mereka dengan kumpulan lain untuk meningkatkan rasa harga diri. Dalam konteks kurikulum sejarah, kurikulum yang dibina sering digunakan untuk menunjukkan keunggulan bangsa sendiri berbanding bangsa lain. Di Malaysia, sejarah perjuangan menentang penjajahan British ditonjolkan sebagai bukti kehebatan nasionalisme tempatan. Manakala di Indonesia, kurikulum sejarah menekankan keunggulan bangsa Indonesia dalam menentang kolonialisme Belanda dan mempertahankan kedaulatan negara.

Dengan menggunakan Teori Identiti Sosial, kurikulum sejarah boleh disimpulkan bahawa kurikulum ini adalah bukan sekadar alat akademik, tetapi berfungsi sebagai mekanisme untuk membentuk dan memperkukuhkan identiti nasional.

PENDIDIKAN SEJARAH DALAM KURIKULUM: ANALISIS ANTARA DUA NEGARA

Perbandingan dari Sudut Kurikulum dan Mata Pelajaran Sejarah

Di Malaysia, mata pelajaran Sejarah menjadi sebuah mata pelajaran teras yang berada di bawah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Kurikulum sejarah perlu dilaksanakan secara bersepadu, meliputi aspek kandungan pengetahuan, Kemahiran Pemikiran Sejarah, elemen kewarganegaraan dan nilai sivik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Dari sini kita boleh lihat bahawa pihak kementerian cuba membentuk identiti nasional dalam kalangan murid iaitu dengan penekanan elemen kewarganegaraan. Antara topik yang dibincangkan dalam mata pelajaran ini ialah Sejarah Malaysia, Sejarah Dunia, Sumbangan Sejarah ke arah Integrasi Kaum di Malaysia dan Sejarah Asia Tenggara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011).

Dalam kurikulum sejarah tahun 4, kurikulum sejarah mula menyentuh secara ringkas tentang institusi pentadbiran iaitu dalam dua bab terakhir. Beralih kepada kurikulum sejarah tahun 5, murid semakin diberi penekanan tentang sejarah pembinaan negara bangsa, institusi raja, kedudukan agama Islam dan bahasa Melayu (Mohd Adib Akmal & Zubaidah, 2022). Kesemua elemen ini adalah berkait rapat dengan pembentukan identiti nasional, sama seperti definisi identiti nasional di Indonesia yang telah dibincangkan di atas. Di samping itu, murid juga mula belajar tentang jata negara, bendera kebangsaan, lagu kebangsaan, bahasa

kebangsaan dan bunga kebangsaan.

Di sekolah menengah, selepas menjadi mata pelajaran teras selama bertahun-tahun, mata pelajaran Sejarah menjadi mata pelajaran wajib dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula pada tahun 2013 dan menjadi mata pelajaran teras pula pada peringkat sekolah rendah iaitu bermula pada tahun 2014 (Muhyiddin Yassin, 2010). Penetapan ini menunjukkan usaha untuk memperkasakan pendidikan sejarah saban tahun sebagai langkah strategik untuk pembinaan identiti nasional. Tumpuan yang lebih mendalam tentang kemajmukan etnik di Malaysia dan sejarah pembinaan negara bangsa dilaksanakan bagi murid tingkatan tiga. Kurikulum sejarah tingkatan 4 pula bertumpukan tamadun dan peranan agama Islam, manakala imperialisme British dan nasionalisme di Malaysia akan disentuh di tingkatan lima. Melalui hal ini, kita boleh menilai dengan jelas betapa kerajaan melalui KPM cuba untuk meletakkan bab dan perbincangan yang relevan dalam usaha pembentukan identiti nasional.

Beralih kepada kurikulum di Indonesia, secara umumnya, kurikulum di sana juga melalui pelbagai jenis perubahan, terutamanya impak daripada kemerdekaan Indonesia. Malah, kurikulum yang terbaharu adalah lebih fleksibel dan berfokuskan perkembangan karakter murid. Terdapat pandangan daripada Maryani, Tessa Nathalia dan Taufik (2024) yang mengatakan bahawa kurikulum di Malaysia jarang mengalami perubahan kurikulum, tidak seperti kurikulum di Indonesia. Pada peringkat SD, murid tidak mempelajari Sejarah dalam mata pelajaran yang khusus, sebaliknya diajar melalui mata pelajaran IPS. Akan tetapi, ada pandangan mengatakan bahawa mata pelajaran Pendidikan Kewarganegaraan sebenarnya lebih relevan untuk dikaitkan dengan pembentukan identiti nasional bagi murid SD. Di Indonesia, Pendidikan Kewarganegaraan menjadi salah sebuah mata pelajaran yang penting untuk diajar di semua peringkat sekolah. Mata pelajaran ini adalah berkait secara langsung dengan sosial dan menjurus kepada sebuah pendidikan afektif, iaitu untuk membangunkan warganegara yang baik (Machful Indra Kurniawan 2018). Dalam mata pelajaran ini juga, konsep identiti nasional adalah lebih dekat dengan maksud jati diri iaitu ciri-ciri, perasaan atau keyakinan tentang kebangsaan yang boleh membezakan rakyat Indonesia dengan rakyat negara lain.

Manakala bagi murid sekolah menengah, melalui Kurikulum 2013, sejarah diintegrasikan dalam mata pelajaran IPS bagi memberikan kefahaman yang menyeluruh tentang dinamik masyarakat dan peristiwa sejarah yang membentuk identiti nasional. Kandungan kurikulum ini merangkumi topik-topik dari zaman prasejarah hingga kepada kemerdekaan Indonesia, dengan penekanan terhadap pembangunan kemahiran berfikir kritis, analitis dan reflektif dalam kalangan murid. Guru digalakkan untuk mengaitkan peristiwa sejarah dengan konteks tempatan serta nasional agar murid dapat memahami kepentingan sejarah dalam pembentukan nilai dan jati diri mereka (Sapriya, 2013). Pada peringkat SMA pula, Kurikulum 2013 menetapkan Sejarah Indonesia sebagai mata pelajaran wajib yang harus diikuti oleh semua aliran, sama ada sains tulen mahupun sastera.

Perbandingan tentang Konsep Identiti Nasional

Dalam kertas konsep ini, perbincangan adalah berfokuskan tentang bagaimana kurikulum sejarah di Malaysia dan Indonesia membantu dalam pembentukan identiti nasional. Identiti secara literal bermaksud tanda atau ciri yang ada pada diri seseorang. Perkataan 'nasional' pula

memberi makna kebangsaan, berasal daripada bangsa sendiri atau meliputi suatu bangsa. Menurut Kaelan (2007), identiti nasional ialah manifestasi nilai budaya yang membangun dalam aspek kehidupan sesebuah bangsa dengan ciri-ciri khas yang membezakan bangsa tersebut dengan bangsa yang lain. Identiti nasional merupakan sebuah konsep yang kompleks tetapi signifikan dalam aspek masyarakat (Muhammad Nurdin, 2023). Hal ini kerana identiti nasional mencerminkan kesatuan dan keunikan sesebuah bangsa, seterusnya mempengaruhi perilaku kolektif warganegara.

Berdasarkan pengertian-pengertian ini, jelas menunjukkan bahawa setiap bangsa di dunia ini memiliki identiti sendiri, tertakluk kepada ciri-ciri atau sifat-sifat bangsa tersebut. Sebagai contoh, rakyat di United Kingdom melihat kemampuan untuk menggunakan bahasa Inggeris sebagai sebuah ciri yang sangat penting dalam menentukan identiti nasional British (Nur Nadia, 2020). Oleh yang demikian, identiti nasional ini tidak dapat dipisahkan dengan istilah jati diri yang sering diajarkan dalam kurikulum sejarah.

Menurut Muhammad Nurdin (2023), di Indonesia, identiti nasional dibangun daripada beberapa aspek. Pertama, suku bangsa atau lebih dikenali sebagai etnik. Kedua, agama. Agama di Indonesia adalah lebih bervariasi berbanding di Malaysia, mungkin disebabkan faktor Indonesia memiliki ramai penduduk. Ketiga, kebudayaan dan yang terakhir, bahasa. Bahasa menjadi unsur yang paling penting dalam konteks identiti nasional yang akan menzahirkan kesatuan sesebuah bangsa. Seterusnya, identiti nasional bagi bangsa Indonesia ditentukan oleh ideologi dan konstitusi negara yang dipegang. Ideologi dan konstitusi negara di sini ialah lima dasar Pancasila dan UUD NRI 1945. UUD NRI 1945 ini merupakan hukum dasar tertulis yang menduduki tingkat yang tertinggi dalam tata urutan perundangan dan dijadikan sebagai panduan dalam menguruskan negara. Sama seperti di Malaysia, semua rakyat wajib taat kepada rukun negara dan perlembagaan. Dalam kurikulum sejarah tahun 5, murid sememangnya diajar tentang tajuk ini dengan lebih khusus. Semasa di peringkat sekolah menengah juga, murid disediakan silibus tentang negara masa kini dengan lebih mendalam.

Komponen identiti nasional negara Indonesia pula ialah bahasa nasional iaitu bahasa Indonesia. Bahasa ini berasal daripada rumpun bahasa Melayu disebabkan kedua-duanya berasal daripada kepulauan yang sama, sebelum diiktiraf sebagai bahasa tunggal pada tahun 1928. Rakyat Indonesia telah bersepakat bahawa bahasa Indonesia merupakan bahasa nasional sekaligus menjadi identiti nasional Indonesia. Di Malaysia pula, kita menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa percakapan dan bahasa rasmi, termasuk bahasa yang digunakan dalam semua pendidikan. Kesemua kandungan kurikulum menggunakan bahasa Melayu kecuali kurikulum bahasa lain seperti bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil.

Persamaan Kurikulum Sejarah dalam Membentuk Identiti Nasional

Perbincangan tentang perbandingan seharusnya meliputi kedua-dua aspek iaitu persamaan dan perbezaan kurikulum sejarah dalam membentuk identiti nasional. Bagi aspek persamaan yang pertama, kedua-dua negara iaitu Malaysia dan Indonesia menekankan sejarah nasional dalam kurikulum mereka sebagai asas kepada pembinaan identiti nasional.

Di Malaysia, kurikulum sejarah akan memfokuskan kepada perjuangan menentang penjajahan, pembentukan Malaysia dan konsep nasionalisme seperti yang terdapat dalam

Kurikulum Standard Sekolah Menengah Sejarah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Begitu juga kurikulum sejarah di Indonesia yang menekankan perjuangan kemerdekaan dan pembentukan negara melalui Kurikulum Merdeka (Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Riset & Teknologi Indonesia, 2022) bagi murid SMP. Kurikulum Merdeka ini adalah hasil daripada penambahbaikan kurikulum sebelumnya iaitu Kurikulum 2013 yang menjadi kurikulum nasional bermula pada tahun 2024.

Kedua-dua negara ini juga menampilkan tokoh nasional dalam kurikulum sejarah sebagai simbol patriotisme dan semangat perjuangan. Di Malaysia, tokoh seperti Tunku Abdul Rahman dan Tun Dr. Mahathir Mohamad sering diketengahkan dalam buku teks Sejarah Tingkatan 4 dan 5 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Sementara itu, Indonesia menampilkan tokoh seperti Soekarno dan Mohammad Hatta sebagai pemimpin perjuangan kemerdekaan (Kemendikbud, 2022). Kajian Hani Tohar (2024) menyokong perkara ini dengan menyatakan bahawa Indonesia juga menekankan nilai-nilai kebangsaan dalam kurikulum sejarah untuk memperkukuh rasa cinta kepada tanah air, termasuklah dengan memperkenalkan tokoh-tokoh nasional. Kesemua pengenalan dan penceritaan tentang tokoh nasional ini adalah untuk menaikkan bibit-bibit pembentukan identiti nasional dan patriotisme dalam diri murid sedari sekolah lagi. Kita tidak akan dapat menafikan murid lebih mengenali nama-nama tokoh ini hasil daripada pembelajaran di sekolah berbanding melalui pembacaan sendiri ketika dewasa.

Perbezaan Kurikulum Sejarah dalam Membentuk Identiti Nasional

Kurikulum sejarah di Malaysia cenderung kepada pendekatan integratif yang menekankan perpaduan kaum, terutamanya dalam aspek pembentukan Malaysia. Perkara ini dibuktikan dengan topik berkaitan Pembentukan Malaysia pada tahun 1963 yang menonjolkan elemen keseimbangan antara kaum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Sebagai contoh, dalam bab mengenai Pembentukan Malaysia 1963, kurikulum sejarah menonjolkan peranan semua kaum iaitu Melayu, Cina, India dan etnik Sabah-Sarawak dalam membangunkan negara, dengan tujuan membina persepsi bahawa Malaysia adalah milik semua rakyatnya. Pendekatan integratif ini akan membantu dalam pembentukan identiti nasional yang berasaskan perpaduan kaum, dengan penekanan kepada kesepakatan antara etnik sebagai asas kestabilan negara.

Sebaliknya, Indonesia lebih menekankan naratif revolusi dan perjuangan rakyat dalam mencapai kemerdekaan. Peristiwa seperti Revolusi Nasional Indonesia pada tahun 1945 hingga tahun 1949 ditekankan dalam kurikulum sebagai asas kepada semangat nasionalisme yang kuat dalam kalangan rakyat (Kemendikbud, 2022). Misalnya, dalam bab mengenai Revolusi Nasional Indonesia (1945-1949), kurikulum menonjolkan bagaimana rakyat dari pelbagai latar belakang seperti petani, buruh, murid dan tentera yang bersama-sama menentang penjajahan Belanda dan mempertahankan kemerdekaan (Kemendikbud, 2022). Oleh hal yang demikian, kita dapat lihat di sini bahawa kurikulum sejarah di Indonesia memperlihatkan rakyat sebagai penggerak utama perubahan, bukan hanya pemimpin semata-mata. Dengan menekankan Revolusi Nasional, Pancasila dan sejarah anti-kolonialisme juga, Indonesia membentuk identiti rakyat yang berjiwa patriotik, berdaya saing dan menolak sebarang bentuk penjajahan asing.

Penekanan terhadap Revolusi 1945 dan gerakan anti-kolonialisme dalam kurikulum

sejarah di Indonesia menjadikan kurikulum tersebut lebih berorientasikan perlawanan dan kemandirian nasional, berbanding dengan Malaysia yang lebih menekankan aspek kestabilan dan pembangunan pasca-kolonial. Pendekatan naratif revolusi ini juga akan membantu membentuk identiti nasional yang kuat berasaskan semangat perjuangan rakyat dalam mempertahankan negara dan nilai-nilai kebangsaan. Kedua-dua pendekatan ini sebenarnya menunjukkan bahawa sejarah adalah bukan sekadar rekod peristiwa masa lalu tetapi alat penting dalam membina kesedaran dan jati diri generasi muda bagi memastikan kelangsungan identiti nasional.

Di Malaysia, sejarah Islam diberi penekanan dalam kurikulum sejarah kerana Islam merupakan agama rasmi negara. Sebagai contoh, buku teks Sejarah sekolah menengah mengandungi bab khusus mengenai kerajaan Islam seperti Kesultanan Melaka dan proses Islamisasi di Tanah Melayu. Perbincangan tentang kerajaan-kerajaan Islam seperti Kesultanan Melaka, peranan ulama dalam menyebarkan Islam serta bagaimana Islam menjadi faktor utama dalam sistem pemerintahan dan perundangan Malaysia adalah lebih menonjol dalam kurikulum sejarah. Sejarah Islam di Malaysia juga sering dikaitkan dengan institusi Raja-Raja Melayu yang dilihat sebagai pelindung agama dan simbol kedaulatan negara. Oleh itu, pendekatan ini menjadikan identiti nasional Malaysia lebih berkaitan Islam dan warisan Melayu-Islam. Maka, dengan penekanan menekankan sejarah Islam, Malaysia cuba membina masyarakat yang menerima kepelbagaian tetapi masih berpaksikan kepada nilai-nilai asas negara seperti Islam dan Raja Berperlembagaan

Di Indonesia pula, meskipun Islam merupakan agama majoriti, kurikulum sejarah lebih menekankan konsep Pancasila sebagai asas negara yang berasaskan pluralisme dan kebangsaan (Kemendikbud, 2022). Pancasila ini menjadi ideologi nasional yang merangkumi semua agama dan kepercayaan. Walhal terdapat pandangan sarjana yang menyatakan bahawa pluralisme itu bercanggah dengan agama Islam yang tidak mengiyakan agama lain tetapi menghormatinya. Oleh itu, identiti nasional Indonesia lebih berasaskan nilai kebangsaan dan pluralisme agama berbanding pendekatan Malaysia yang lebih berteraskan Islam. Di Indonesia, sejarah agama disampaikan secara lebih luas, merangkumi pengaruh Hindu-Buddha, Islam serta agama-agama lain dalam pembentukan masyarakat Indonesia. Sejarah kerajaan Hindu-Buddha seperti Kerajaan Sriwijaya, Majapahit dan Mataram dikaji secara mendalam, di samping peranan Islam dalam Kesultanan Demak dan Aceh.

Selain itu, Malaysia menggunakan pendekatan kronologi dalam penyampaian kurikulum Sejarah, dengan penekanan kepada peristiwa-peristiwa penting dalam susunan yang teratur. Sebagai contoh, murid sekolah menengah mempelajari sejarah dari zaman prasejarah hingga ke era moden mengikut tahap. Dalam erti kata yang lain, pendekatan kronologi adalah lebih sinonim dengan kurikulum sejarah di Malaysia berbanding pendekatan tematik walaupun pada masa kini, kurikulum sejarah semakin mengaplikasikan pendekatan tematik terutamanya dalam menyusun atur bab demi bab dalam buku teks Sejarah. Kurikulum sejarah di Indonesia pula menggunakan pendekatan tematik iaitu setiap peristiwa sejarah dikaji berdasarkan tema tertentu seperti nasionalisme, demokrasi dan globalisasi (Kemendikbud, 2022). Misalnya, dalam Kurikulum Merdeka, murid akan mempelajari sejarah Revolusi Nasional Indonesia bukan hanya dari aspek kronologi tetapi juga dari sudut implikasi sosial, ekonomi dan budaya. Pendekatan ini membolehkan murid memahami sejarah secara lebih mendalam dalam konteks

isu-isu semasa dan kontemporari seperti demokrasi dan hak asasi manusia. Namun demikian, pemilihan pendekatan ini tidaklah menjadi suatu isu atau halangan dalam menentukan kurikulum yang lebih baik kerana setiap pendekatan memiliki kelebihan masing-masing, yang hanya dibezakan dengan pemberatannya sahaja.

Akhir sekali, penekanan terhadap sejarah dari luar negara juga menunjukkan perbezaan dalam kurikulum Malaysia dan Indonesia. Kurikulum sejarah di Malaysia lebih menfokuskan kepada sejarah nusantara dan hubungan dengan kuasa besar. Sejarah negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan Singapura yang lebih dikenali dengan nama lama sering dibincangkan dalam konteks hubungan diplomatik dan perdagangan. Selain itu, terdapat juga perbincangan mengenai pengaruh kuasa besar seperti British dan Jepun dalam perkembangan Tanah Melayu, terutamanya semasa penjajahan dan Perang Dunia Kedua. Kurikulum sejarah di Indonesia pula lebih banyak memberi tumpuan kepada kesan kolonialisme dan imperialisme terhadap dunia, bukan sekadar nusantara. Sebagai contoh, murid di Indonesia mempelajari sejarah penjajahan Eropah di Asia, Afrika dan Amerika Selatan dan kesan Perang Dunia terhadap kemerdekaan Indonesia. Kurikulum di sana juga lebih menekankan peranan Indonesia dalam organisasi antarabangsa seperti ASEAN, PBB dan Gerakan Non-Blok sebagai sebahagian daripada identiti nasional negara dalam politik global.

Walaupun terdapat banyak persamaan dalam kurikulum Sejarah Malaysia dan Indonesia, perbezaan utama adalah terletak kepada naratif sejarah, pendekatan pembelajaran dan penekanan terhadap elemen tertentu. Malaysia lebih menonjolkan sejarah sebagai alat perpaduan kaum, manakala Indonesia lebih menekankan sejarah sebagai perjuangan rakyat menentang penjajahan. Melalui kurikulum Sejarah yang berkesan, kedua-dua negara berusaha membentuk generasi yang mempunyai kesedaran sejarah, jati diri yang kukuh serta semangat patriotisme tinggi demi kemajuan negara masing-masing.

Rumusannya, melalui perbandingan kurikulum dan mata pelajaran Sejarah serta konsep identiti nasional bagi kedua-dua negara ini, jelas menunjukkan bahawa terdapat elemen identiti nasional yang diterapkan dalam silibus mata pelajaran Sejarah. Oleh itu, dalam usaha untuk menerapkan identiti nasional menerusi kurikulum dan mata pelajaran Sejarah, pemerkasaan mata pelajaran Sejarah haruslah dilaksanakan dengan lebih efisien. Hal ini adalah kerana identiti nasional sangat memainkan peranan yang besar dalam melahirkan lebih ramai warganegara yang bertanggungjawab ke atas negara dan mencapai keharmonian kaum.

PENUTUP

Sebagai kesimpulan, sejarah adalah bukan sekadar catatan kronologi peristiwa tetapi sebuah instrumen strategik dalam pembentukan identiti nasional. Dalam konteks pembinaan negara bangsa, naratif sejarah yang diajarkan dalam kurikulum pendidikan mampu membentuk cara rakyat melihat diri mereka dalam kerangka kebangsaan. Kertas konsep ini membuktikan bahawa di Malaysia dan Indonesia, sejarah berperanan sebagai alat untuk negara membentuk identiti nasional. Perbandingan kurikulum sejarah Malaysia dan Indonesia memperlihatkan persamaan yang ketara dari segi tujuan iaitu membentuk warganegara yang patriotik dan beridentiti nasional. Namun perbezaan wujud dari segi pendekatan kedua-duanya. Selain itu, sejarah tidak wajar dijadikan alat propaganda semata-mata tetapi harus menjadi wahana kepada

murid untuk memahami kerencanan sejarah bangsa dan membentuk kesedaran kolektif yang realistik. Dengan cara ini, kurikulum sejarah dapat terus relevan dalam mendepani cabaran globalisasi dan tetap berfungsi sebagai asas pembentukan identiti nasional yang bermakna dan progresif.

RUJUKAN

- Asmahani Muhthar & Md Hafis Khairuddin. 2024. Pelaksanaan kurikulum dalam meningkatkan persepsi nilai patriotisme. Satu tinjauan di Malaysia dan Indonesia. *Munsyi Jurnal Pengajian Sejarah*, 2(1): 37-55. <https://doi.org/10.37134/munsyi.vol2.1.3.2024>
- Asmahani Muhthar, Abdul Razaq Ahmad & Mohd Mahzan Awang. 2020. Patriotisme dalam Pembelajaran Sejarah: Suatu Perbandingan. Kertas kerja dibentangkan di *International Conference on Education, Technology & Humanities, Malaysia*, 18 Julai 2020.
- Darsono & Widya Karmilasari. 2017. *Sumber Belajar Penunjang PLPG 2017: Kompetensi Profesional Mata Pelajaran Guru Kelas SD – Unit IV: Ilmu Pengetahuan Sosial*. Jakarta: Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan, Direktorat Jenderal Guru dan Tenaga Kependidikan.
- Hidayat. 2019. The effect of multicultural approach and independent learning strategies on learning outcomes history education. Dlm. Asmahani Muhthar, Abdul Razaq Ahmad & Mohd Mahzan Awang. *Patriotisme dalam Pembelajaran Sejarah: Suatu Perbandingan*. Kertas kerja dibentangkan di *International Conference on Education, Technology & Humanities, Malaysia*, 18 Julai 2020.
- Kaelan. 2007. *Pendidikan Kewarganegaraan*. Yogyakarta: Paradigma.
- Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Riset dan Teknologi (Kemendikbud). 2022. *Capaian Pembelajaran Mata Pelajaran Ilmu Pengetahuan Sosial Fase D: Untuk Kelas VII – IX SMP/MTs/Program Paket B*. Jakarta Pusat: Badan Standar, Kurikulum dan Asesmen Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Riset, dan Teknologi (Kemendikbud). 2022. *Kurikulum Merdeka dan Buku Sejarah Indonesia*. Jakarta: Kemendikbud.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2021. *Buku Teks Sejarah Tingkatan 4 & 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2021. *Buku Teks Sejarah Tahun 5 & 6*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. *Dokumen Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Sejarah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. *Panduan pengurusan mata pelajaran Sejarah*. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/4414-buku-panduan-mp-sejarah/file>. Diakses pada 12 Mac 2025.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2011. *Surat pekeliling lembaga peperiksaan Bil. 3 tahun 2011: Pelaksanaan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 2013* <http://lp.moe.gov.my/files/pekeliling/2011/SP%20Bil%203%202011%20Mata%20Pel>

- [ajaran%20Sejarah%20Wajib%20Lulus.pdf](#). Diakses pada 13 Mac 2025.
- M. Maman Sumaludin. 2024. Identitas Nasional dalam Buku Teks Pelajaran Sejarah SMA. *HISTORIA: Jurnal Pendidik dan Peneliti Sejarah*, 1(2): 159-166. <https://doi.org/10.17509/historia.v1i2.10709>
- MA Saputra, Umasih & Sarkadi. 2018. The impact of discovery learning and critical thinking towards learning outcomes of Indonesian history. *Journal of Historical Studies*, 10(20): 31-44.
- Machful Indra Kurniawan. 2018. *Buku Ajar Konsep Dasar Pendidikan Kewarganegaraan Sekolah Dasar*. Jawa Timur: Umsida Press.
- Mahira Mayadi, Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad & Anuar Ahmad. 2019. Curriculum of History education in Malaysia, Finland and Republic of Turkey: A comparative literature analysis. Dlm. Nur Syahida Shafiron, Siti Noranizahhafizah Boyman & Nooraziela Razak. Analisis perbandingan mata pelajaran Sejarah di Malaysia dan Finland. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15 (Isu Khas): 106-121. Diakses di: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.9.20233> pada 03 Mac 2025.
- Maryani, Tessa Nathalia & Taufik Muhtarom. 2024. Analis studi perbandingan kurikulum di Indonesia dan kawasan Asia. *Jurnal Penelitian Pendidikan Indonesia*, 1(4): 286-290.
- Mohd Adib Akmal Ahmad Shatir & Zubaidah Hamzah. 2022. Multikulturalisme dalam naratif sejarah nasional Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(2): 1-15. Diakses di: <http://journalarticle.ukm.my/19419/> pada 8 Mac 2025.
- Muhammad Nurdin. 2023. Identitas Nasional. *ADVANCES in Social Humanities Research*, 1 (4): 241-247. Diakses di: <https://adshr.org/index.php/vo/article/view/26> pada 6 Mac 2025.
- Muhyiddin Yassin. 2010. History a must-pass subject in SPM from 2013 – Muhyiddin. Retrieved from: <https://www.theborneopost.com/2010/10/24/history-a-must-pass-subject-in-spm-from-2013-%E2%80%93-muhyiddin/>. Diakses pada 5th August 2025.
- Nur Atiqah Tang Abdullah & Ong Puay Liu. 2018. Latar Belakang Sejarah Sistem Pendidikan dan Masyarakat Majoriti Minoriti di Malaysia, *International Colloquium on Integration Platform*. Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Nadia Lukmanulhakim. 2020. Kaedah pembentukan identiti nasional dalam universiti awam di Malaysia. *Jurnal Peradaban Melayu*, 15(1): 1-9. Diakses di: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol15.1.2020> pada 7 Mac 2025.
- Sapriya. 2013. Pengembangan kurikulum IPS berbasis sejarah lokal untuk SMP dalam meningkatkan pendidikan karakter. *Jurnal Sejarah dan Budaya*, 7(2): 161–170.
- Sriyanto. 2016. Studi Kurikulum Ilmu Sosial (IPS) di Sekolah Dasar di Indonesia, Malaysia dan Hong Kong. *Jurnal Pendidikan Sekolah Dasar*, 2(1): 109-127.
- Symaco, Lorraine & Chao, Roger Jr. 2019. Comparative and international education in east and south east Asia. *International Perspectives on Education and Society*, 36(12): 213-228.
- Tajfel, H. & Turner, J. C. 1979. The social identity theory of intergroup behavior. In. S. Worchel & W. G. Austin (Eds.). *Psychology of Intergroup Relations*. California: Brooks/Cole.
- Zia Ulhaq. 2017. Pembelajaran sejarah berbasis kurikulum 2013 di SMA Kotamadya Jakarta

Timur. Dlm. Asmahani Muhthar, Abdul Razaq Ahmad & Mohd Mahzan Awang. *Patriotisme dalam Pembelajaran Sejarah: Suatu Perbandingan*. Kertas kerja dibentangkan di *International Conference on Education, Technology & Humanities, Malaysia*, 18 Julai 2020.